

# Insurans: Utamakan kepentingan nasional

U.M. - 31.03.1994

Oleh WAHID HASHIM

**K**UALA LUMPUR 2 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ejen-ejen insurans di negara ini tidak sepatutnya mementingkan komisen yang tinggi semata-mata, sebaliknya perlu memikirkan kepentingan nasional selaras dengan kempen sektor korporat penyayang.

Menurut beliau, adalah menjadi tanggungjawab mereka yang terlibat dalam industri itu menentukan setiap rakyat yang mampu membiayai kos polisi insurans memperoleh perlindungan sewajarnya.

"Skop industri insurans di negara ini masih luas kerana kesedaran tentang insurans di negara ini masih rendah, iaitu bagi setiap 11 orang penduduk, hanya dua polisi insurans sahaja yang berkuatkuasa," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran Persatuan Ejen-ejen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (JAMIN) di sini hari ini.

Beliau menegaskan, peningkatan dalam tahap pendapatan tenaga agensi insurans haruslah dicapai dengan meningkatkan produktiviti dan bukannya semata-mata berdasarkan kadar komisen yang tinggi.

Sehubungan itu, katanya, sektor insurans

hendaklah melihat usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan ke arah mengurangkan kos operasi (melalui Bank Negara) dalam perspektif yang betul.

Menurut Perdana Menteri, apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan sekarang ialah cuba mengatasi masalah struktur dan operasi yang masih berlanjutan, iaitu tahap operasi syarikat-syarikat insurans nyawa yang begitu tinggi, yang mencerminkan kawalan kos operasi yang tidak efektif.

## Kewangan

"Sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan menggugat kedudukan kewangan dan daya tahan syarikat-syarikat insurans dan akhirnya kadar perbelanjaan industri insurans nyawa yang tinggi ini akan menjejaskan kepentingan pemegang polisi," katanya.

Beliau juga berkata, usahawan Melayu perlu menceburi bidang insurans memandangkan jumlah agen-agen insurans daripada orang Melayu yang sangat sedikit berbanding kaum-kaum lain.

Menurutnya, walaupun jumlah ejen yang berdaftar semakin bertambah, tetapi tidak lebih 10 peratus adalah ejen-ejen Melayu.

Kata beliau, ejen insurans nyawa yang

berdaftar dengan kerajaan telah meningkat sebanyak 26 peratus daripada 54,300 orang pada 1992 kepada 68,500 orang pada 1993.

"Tetapi profil keseluruhan ejen-ejen masih kekal tidak berubah, iaitu kurang 10 peratus," katanya.

Kata Perdana Menteri, beliau difahamkan, pada akhir 1993, bilangan ejen bumiputera hanya seramai 5,736 iaitu hanya merupakan 8.4 peratus daripada bilangan keseluruhan tenaga ejen.

"Daripada jumlah yang kecil itu, sebilangan besar daripada ejen-ejen bumiputera hanyalah merupakan ejen sambilan dan kebanyakan mereka hanya berkhidmat pada tempoh kurang daripada dua tahun," katanya.

Sehubungan itu, katanya, JAMIN mempunyai tanggungjawab yang besar iaitu membangunkan dan mempertingkatkan kedudukan dan tahap profesionalisme ejen-ejen bumiputera supaya menjadi setanding dengan ejen-ejen insurans yang lain.

"Satu lagi strategi yang harus diutamakan ialah membantu ejen-ejen sambilan ini menjadi ejen sepenuh masa yang profesional supaya produktiviti dan prestasi mereka ditingkatkan," kata beliau.